

22/06/2001

Peringatan Dr M bukan niat menakutkan Melayu

TIMBALAN Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan peringatan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Melayu mudah lupa kesusahan dan kenikmatan yang dikecapi, bukan untuk menakutkan bangsa itu.

"Ia bukan untuk menakutkan Melayu tetapi suatu peringatan kerana sejarah menunjukkan Melayu memang mudah lupa terhadap kemajuan dan kesusahan yang pernah mereka lalui sehinggakan mereka lalai," katanya kepada pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau mengulas ucapan dasar Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno yang berlangsung di PWTC.

Abdullah berkata, peringatan Dr Mahathir itu bukan saja relevan untuk orang Melayu tetapi merangkumi seluruh rakyat Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, sejarah telah menunjukkan orang Melayu boleh mencapai kejayaan seperti memerdekakan negara dan menentang komunis disebabkan mereka bermuafakat sesama sendiri dan dengan kaum lain.

"Oleh itu rakyat negara ini tidak harus lupa mengenai pahit maung yang dilalui dulu serta mengambil mudah terhadap kesenangan dinikmati sekarang agar kesilapan dulu tidak diulangi," katanya.

Ditanya bagaimana Umno mahu mengubah sikap mudah lupa di kalangan orang Melayu, Abdullah berkata, mereka perlu selalu diperingati dan belajar daripada sejarah.

Katanya, sejarah juga menunjukkan orang Melayu mampu menghadapi cabaran pada masa lalu dan tidak ada sebab mereka tidak boleh menghadapi cabaran masa depan jika mereka bermuafakat.

(END)